

Pengurusan Pelaksanaan Kurikulum di UiTM Pahang: Penambahbaikkan Proses Laporan OBE-SCL

Zarina Zainul Rashid^{1*}, Asmidar Alias², Norhafizah Rosman³,
Shahida Hanum Kamarullah⁴

¹Fakulti Sains Komputer & Matematik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
zzr@pahang.uitm.edu.pahang

²Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
asmidar@pahang.uitm.edu.my

^{3,4}Fakulti Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
hafizah@pahang.uitm.edu.my, shahidahanum@pahang.uitm.edu.my

* Penulis Rujukan

Abstrak: Tatacara pengurusan laporan pengendalian proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) berteraskan *Outcome Based Education – Student Centered Learning (OBE SCL)* telah digariskan melalui carta alir Prosedur Mengurus Pelaksanaan Kurikulum Akademik di UiTM. Proses ini diperlukan untuk mematuhi asas jaminan kualiti di peringkat pengajian tinggi dan diamalkan mulai tahun 2010. Laporan memerlukan penilaian terhadap lima komponen iaitu keputusan GPA pelajar, CO-PO-LO-KI, SUFO, *Exit-Entrance Survey* dan *OBE-CDL Implementation*. Menyelaras laporan yang melalui beberapa peringkat memerlukan koordinasi yang sistematik dan tersusun. Kertas kerja ini menyentuh beberapa aspek penambahbaikkan proses laporan OBE-SCL: dokumen yang perlu disertakan, pegawai tanggungjawab yang menyelaras dan proses *continual quality improvement (CQI)* bagi memenuhi pengurusan pelaksanaan kurikulum di UiTM Pahang.

Kata Kunci: Jaminan kualiti, Laporan OBE SCL, Pengurusan pelaksanaan kurikulum

1. Pengenalan

Kualiti merupakan agenda penting di setiap peringkat dalam pendidikan. Lewis et al. (2001) mentakrifkan kualiti sebagai tahap pencapaian produk atau penawaran perkhidmatan yang memenuhi tanggapan pelanggan dan spesifikasi yang ditetapkan. Australian Universities Quality Agency (AUQA), (2009), mendefinisikan audit kualiti sebagai satu proses yang sistematik dan penilaian bebas sama ada pelan pengurusan bersesuaian atau tidak untuk mencapai objektif organisasi, aktiviti sebenar organisasi mematuhi pelan pengurusan yang telah digariskan, dan semua pelan telah dijalankan dengan efektif. (<http://www.auqa.edu.au>). Kaedah penilaian kualiti terhadap institusi meliputi kaedah, organisasi, keputusan (*output*) dan penambahbaikkan.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) menggariskan sepuluh lonjakan pendidikan tinggi. Cabaran yang disebutkan antara lain adalah peranan universiti dan ahli akademik, perkembangan kurikulum mengikut keperluan pasaran, penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan dalam sistem inovasi kebangsaan, kaedah pengajaran dan pembelajaran, globalisasi dan piawai melalui pemeringkatan dan penarafan, serta peluang guna tenaga. Jaminan kualiti di Malaysia yang dikendalikan oleh *Malaysian Qualifications Agency (MQA)* telah menyediakan *Code of Practice for Program Accreditation (COPPA)* dan *Code of Practice for Institutional Audit (COPIA)* sebagai panduan untuk memastikan kualiti dalam

pencapaian akademik dan pelaksanaan perancangan organisasi yang efektif. Ini termasuk keberkesanan sistem, sumber-sumber dan pencapaian maklumat dalam menjamin dan menambahbaik kualiti pengajaran, keserjanaan dan penyelidikan, serta pada masa yang sama memberikan pengalaman pembelajaran kepada pelajar.

Atas aspek kualiti, UiTM telah menerapkan falsafah pembelajaran berteraskan hasil atau *Outcome-Based Education* dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P). Semua aspek P&P berteraskan OBE dan semua aspek perlu dinilai mematuhi jaminan kualiti dalam pelaksanaan dan penambahbaikan. Dalam tradisi konvensional, kualiti P&P dinilai melalui pencapaian akademik manakala untuk OBE, kriteria yang dinilai termasuk kualiti pengajaran (melalui SUFO), persepsi pelajar terhadap matapelajaran (*entrance and exit survey*), pelarasan antara kandungan kursus dan cara pengajaran, penilaian, dan kriteria-kriteria lain (CO-PO-LO-KI), markah dan gred pelajar serta yang akhir, OBE-SCL.

2. Pengurusan Pelaksanaan Kurikulum


Pengurusan pelaksanaan kurikulum seperti yang telah digariskan oleh Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA) melalui Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK) mencadangkan carta alir Prosedur Pengurusan Pelaksanaan Kurikulum versi-3 dijadikan sebagai panduan kepada pelaksanaan kurikulum di fakulti dan kampus negeri. Perincian penuh boleh diperolehi melalui laman sesawang BHEA (<http://hea.uitm.edu.my>).

Bagi memastikan prosedur P&P yang digariskan BHEA dijalankan dengan efektif dan berkesan, UiTM Pahang melalui Jawatankuasa OBE telah memperkembangkan prosedur dan pelarasan komunikasi untuk pegawai tanggungjawab (PTJ) seperti berikut:

- Komponen OBE SCL
- Fungsi dan Tanggungjawab PTJ
- Penambahbaikan Kualiti Berterusan

3. Komponen OBE SCL

UiTM menggunakan laporan CDL OBE SCL sebagai salah satu mekanisme utama pemantauan pelaksanaan pencapaian kurikulum kursus. Laporan CDL OBE SCL dibuat bagi setiap kursus oleh pensyarah yang terlibat sebaik sahaja peperiksaan akhir tamat. *Template* CDL OBE yang disediakan oleh pihak UHEK untuk penyelarasan pelaporan diedarkan kepada pensyarah. Terdapat lima komponen di dalam laporan ini seperti yang ditunjukkan di Rajah 1. Hasil dari setiap komponen menghasilkan indikator pelaporan CDL OBE SCL (*excellent, good, fair, poor*) yang menunjukkan tahap pelaksanaan kurikulum kursus.




Rajah 1. Komponen laporan CDL OBE SCL

Menurut Asmidar et.al (2012), komponen Laporan CDL OBE SCL adalah:

- Keputusan GPA: Pencapaian pelajar diukur melalui GPA yang mana bilangan pelajar pada setiap gred akan direkodkan. Pencapaian ini diukur dari segi kognitif, psikomotor dan afektif.
- CO-PO-LO-KI: Penilaian secara konsisten mengenai cara penyampaian kursus dibuat .
- SUFO: Persepsi pelajar mengenai proses P&P termasuk cara penyampaian kursus dan kemudahan yang disediakan.
- *OBE SCL Implementation*: Tahap pelaksanaan proses P&P berlandaskan OBE.
- *Exit-Entrance*: Perbandingan persepsi pelajar mengenai pengetahuan dalam sesuatu kursus sebelum dan selepas proses P&P.

Pencapaian kursus dari laporan CDL OBE SCL digunakan untuk menilai pencapaian PO (*Program Outcome*). Selain daripada itu, hasil dari komponen GPA dan *Exit-Entrance* dianalisa untuk penambahbaikan kurikulum seperti terdapat di Rajah 2 (UHEK, UiTM).



Rajah 2. Petunjuk analisa pencapaian program (UHEK, 2012)

Pencapaian pelaksanaan kurikulum kursus melalui laporan CDL OBE SCL dibincangkan di dalam mesyuarat CQI UiTM Pahang sebelum dihantar ke Unit Hal Ehwal Akademik (UHEK) UiTM Shah Alam untuk dianalisa.

4. Fungsi dan tanggungjawab PTJ


UiTM Pahang telah melakukan proses koordinasi penyelarasan pelaporan yang sistematik dan tersusun melalui beberapa peringkat untuk melahirkan pelaporan CDL OBE SCL yang mantap. Sebelum proses koordinasi penyelarasan pelaporan diperkenalkan, seringkali berlaku salah faham antara pensyarah dan juga pihak pengurusan OBE mengenai pelaporan CDL OBE SCL sehingga laporan yang lengkap sukar diperolehi.

Jawatankuasa OBE yang dilantik oleh pihak HEA bertindak sebagai penyelarasan laporan CDL OBE SCL untuk UiTM Pahang keseluruhannya. Setiap pensyarah perlu menyediakan laporan CDL OBE SCL bagi setiap kumpulan pelajar dan diserahkan kepada *Lecturer in Charge* (LIC). LIC akan mengkonsolidasi laporan mengikut kursus dan menyerahkannya kepada Jawatankuasa OBE Program. Bagi kursus *servicing*, LIC akan menyerahkan laporan kepada Jawatankuasa OBE Program *Servicing*. Jawatankuasa OBE ini akan mengkonsolidasi laporan mengikut kursus dan program dan seterusnya menghantar kepada Jawatankuasa Program tersebut.

Jawatankuasa OBE Program akan menyediakan laporan CDL OBE SCL bagi program masing-masing mengikut bahagian dan menyalurkan kepada Jawatankuasa OBE UiTM Pahang (Rajah 3).

Jawatankuasa OBE UiTM Pahang pula akan mengkonsolidasi di peringkat UiTM Pahang dan seterusnya menghantar laporan ini kepada pihak UHEK UiTM Shah Alam.

Untuk melahirkan penyelarasan laporan yang sistematik dan tersusun, Jawatankuasa OBE UiTM Pahang mengeluarkan jadual penghantaran laporan setiap peringkat bersama *template* yang harus digunakan kepada pensyarah dan Jawatankuasa OBE Program. Senarai nama Jawatankuasa OBE program turut dilampirkan untuk memudahkan LIC mahu pun Jawatankuasa OBE program (*servicing*) mengetahui ke mana laporan CDL-OBE SCL perlu dihantar seterusnya.



Rajah 3. Carta alir penghantaran laporan OBE SCL dan CQI

5. Penambahbaikan Kualiti Berterusan (Continuous Quality Improvement, CQI)

Penambahbaikan Kualiti Berterusan (*Continuous Quality Improvement, CQI*) ialah sistem yang dilaksanakan untuk memperbaiki perkhidmatan yang sedia ada atau untuk mewujudkan perkhidmatan yang baru (Dan, 1999). UiTM Pahang telah melaksanakan proses CQI yang merupakan salah satu usaha untuk meningkatkan hasil pencapaian program UiTM.

5.1 Laporan Penambahbaikan Kualiti Berterusan (CQI)

Laporan CQI perlu dilaporkan untuk mengenalpasti dan mencari penyelesaian permasalahan yang berlaku. Laporan ini dibuat jika terdapat pelaporan yang mempunyai petunjuk yang kurang memuaskan dari aspek:

- i) Peratusan kegagalan melebihi 20 peratus
- ii) *Exit Entrance; CO-PO-LO-KI; Sufo; dan OBE SCL Implementation* yang telah menunjukkan keputusan pada tahap pencapaian sederhana
- iii) *Course GPA* (Purata Nilai Gred) menunjukkan keputusan pada tahap pencapaian lemah
- iv) Isu-isu lain seperti permasalahan yang melibatkan sikap pelajar, fasiliti atau prasarana pengajaran dan pembelajaran yang tidak lengkap dan lain-lain yang boleh mendorong kepada faktor penyumbang keputusan yang kurang memberangsangkan

5.2 Petunjuk pencapaian program melalui Penambahbaikan Kualiti Berterusan (CQI)

Analisa pencapaian terhadap elemen objektif program (*Programme Educational Objective, PEO*), hasil pembelajaran program (*Programme Learning Outcome, PLO*) dan hasil pembelajaran

kursus (*Course Learning Outcome, CLO*) dinilai berdasarkan indeks prestasi utama (*Key Performance Indicators, KPI*) yang telah ditetapkan bagi setiap program akan melibatkan proses CQI sekiranya hasil pencapaian berada di bawah tahap sasaran yang telah ditentukan. Maklumbalas daripada pihak-pihak berkepentingan juga penting bagi melakukan penambahbaikan yang diperlukan dan juga bagi menentukan keberhasilan pencapaian.

Konsep PDCA (*Plan, Do, Check and Action*) iaitu Rancang, Laksana, Periksa dan Tindakan digunakan untuk pelaksanaan CQI. Proses pertama adalah merancang untuk melakukan penambahbaikan dengan mengenalpasti masalah dan merangka cadangan penyelesaian. Cadangan penyelesaian perlu dilaksanakan bagi meningkatkan pencapaian. Hasil pencapaian perlu diperiksa dan dianalisa secara berterusan bagi menilai kesan pada pencapaian. Tindakan perlu diambil bagi menyelaraskan atau memperbaiki proses penambahbaikan yang dinilai melalui hasil pencapaian (Deming, 1986).

5.3 Keperluan dan Pelaksanaan Mesyuarat Penambahbaikan Kualiti Berterusan (CQI) di UiTM Pahang

UHEK telah menyediakan Carta Alir Prosedur Pengurusan Pelaksanaan Kurikulum untuk dijadikan sebagai panduan dan pemudahcara dalam pelaksanaan pengurusan kurikulum. Prosedur ini telah digunapakai oleh keseluruhan sistem pengurusan kurikulum akademik UiTM bermula pada November 2011. Keperluan mengadakan mesyuarat CQI telah digariskan dalam Prosedur Pengurusan Pelaksanaan Kurikulum. Pentadbir akademik iaitu Timbalan Rektor HEA bertanggungjawab mengeluarkan surat jemputan mesyuarat CQI berserta lampiran agenda mesyuarat mengikut program termasuklah agenda bagi kursus universiti dan kursus *servicing* sebagai rujukan. Timbalan Rektor HEA akan dibantu oleh Jawatankuasa OBE sebagai sekretariat mesyuarat CQI.

Mesyuarat CQI diadakan selepas keputusan peperiksaan rasmi dikeluarkan. Timbalan Rektor HEA akan mempengerusikan mesyuarat CQI. Ahli mesyuarat CQI terdiri daripada ahli pengurusan akademik iaitu Ketua Pusat Pengajian (KPP), Ketua Unit Kualiti, Ketua Sistem Audit, Jawatankuasa Tertinggi OBE dan Jawatankuasa OBE program Diploma atau Ijazah Sarjana Muda. Agenda mesyuarat CQI dimulai dengan pengesahan minit mesyuarat yang lepas, pembentangan laporan setiap program atau fakulti dan pembentangan permasalahan oleh pihak Akademi Pengajian Bahasa (APB), Akademi Pengajian Kontemporari Islam (ACIS) dan Unit Kokurikulum yang akan disampaikan oleh Jawatankuasa OBE program Diploma atau Ijazah Sarjana Muda.

Pembentangan laporan meliputi pembentangan laporan CQI, laporan pencapaian program, perbandingan keputusan peperiksaan terkini dengan keputusan peperiksaan semester lepas dan makluman kursus tidak hantar laporan CDL-OBE mengikut program. Jawatankuasa OBE program juga akan membentangkan rumusan pelan tindakan untuk kod kursus yang mempunyai isu permasalahan. Ahli mesyuarat akan membincangkan isu berbangkit, mengenalpasti punca, *brainstorm* penyelesaian, merancang tindakan susulan dan mengenalpasti pegawai bertanggungjawab untuk setiap tindakan yang dicadangkan.

Selepas tempoh sebulan keputusan peperiksaan rasmi dikeluarkan, Jawatankuasa Konsolidasi OBE akan menyediakan laporan ringkas menggunakan *template* laporan CQI beserta

pengisian dari perbincangan mesyuarat CQI tersebut. Rumusan laporan tersebut yang telah mendapat pengesahan daripada Timbalan Rektor HEA akan dimajukan kepada pihak UHEK.

Selepas mesyuarat CQI, KPP akan berbincang dan memaklumkan pada pensyarah dan LIC yang terlibat untuk melaksanakan tindakan susulan. KPP juga akan mengambil tindakan seperti memaklumkan masalah berkaitan pada fakulti di UiTM Shah Alam sekiranya penyelesaian perlu dilaksanakan di peringkat pusat. Jawatankuasa Tertinggi OBE akan memaklumkan masalah berbangkit mengenai kurikulum dalam Mesyuarat OBE Peringkat UiTM yang diadakan setiap tahun. Tempoh masa pelaksanaan tindakan susulan adalah satu semester hingga dua semester. KPP yang dibantu oleh Jawatankuasa OBE Program akan memantau pelaksanaan tindakan penyelesaian terhadap isu permasalahan yang telah dibincangkan dalam mesyuarat CQI.

6. Kesimpulan

Jaminan kualiti dalam P&P memainkan peranan penting bagi memastikan prosedur utama dalam kurikulum pengajian tinggi dilaksanakan mengikut piawai yang telah ditetapkan. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab semua pensyarah untuk mengambil berat tentang pelaksanaan jaminan kualiti di peringkat pengajian tinggi bagi melahirkan pelajar yang berkualiti dan berdaya saing. Pelaksanaan proses OBE CDL dan CQI telah mewujudkan saluran komunikasi, nilai kerjasama dan tanggungjawab di antara pensyarah dan pihak pengurusan UiTM. Komitmen daripada pensyarah dan pihak pengurusan UiTM akan memberikan perubahan positif dalam proses penambahbaikan kualiti berterusan. Kerjasama dari semua pensyarah amat diharapkan bagi penyediaan laporan OBE CDL-CQI supaya dapat bersama-sama mencari titik jalan penyelesaian bagi mengurangkan segala kelemahan yang berlaku.

7. Rujukan

- Asmidar Alias, Zarina Zainul Rashid, Rozieana A Halid, Maziana Osman, & Mariathy Karim. (2012). Data Management System: A Guideline to Consolidate OBE CDL Report, KONAKA.
- Dan, R. (1999). Continuous Quality Improvement: Origins, Concepts, Problems, and Applications. In *Perspective on physician assistant education*. 10(1).12-16.
- Deming, W. E. (1986). *Out of the Crisis* (Cambridge, MA, Massachusetts Institute of Technology, Center for Advanced Engineering Study).
- Hal Ehwal Akademik (HEA). (2011). Prosedur Pelaksanaan Kurikulum. Akses pada 25 Ogos 2015 di <http://hea.uitm.edu.my>.
- Lewis, P. S., Goodman, S. H., & Fandt, P. M. (2001). *Management*. South-Western College Publishing. Thomson Learning.
- Malaysian Qualification Agency (MQA). (2009). Code of Practice for Institutional Audit. Akses pada 21 Ogos 2015 di <http://www.mqa.gov.my>.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025. (2015). Di akses pada 30 Ogos 2015 di <http://moe.gov.my/v/pelan-pembangunan-pendidikan-malaysia-2013-2025>.
- Unit Hal Ehwal Kurikulum (UHEK UiTM). (2015). Programme Learning Outcomes (PLO).